

# Jumlah mangsa banjir berkurangan

**KUANTAN** - Secara keseluruhan mangsa banjir di enam daerah di negeri ini berkurangan berbanding sebelum ini.

Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang memaklumkan jumlah keseluruhan mangsa ialah seramai 15,824 orang dengan daerah Pekan paling ramai

iaitu 9,951 mangsa.

Kesemua mangsa banjir di seluruh negeri kini berada di 74 pusat pemindahan membabitkan 4,354 mangsa dengan 123 kampung.

Daripada keseluruhan jumlah berkenaan, PKOB turut mencatatkan daerah Maran sebagai kedua teramai selepas Pekan iaitu 2,618 orang diikuti daerah Temerloh iaitu

seramai 1,405 mangsa.

Keadaan cuaca baik membolehkan mangsa banjir di daerah Kuantan dan Jerantut pulang ke rumah masing-masing sekali gus menunjukkan pengurangan mangsa iaitu seramai 1,122 dan 194 di dua daerah berkenaan manakala jumlah mangsa di daerah Bera pula dicatatkan seramai 534 orang.